



Anwar bersalaman dan beramah mesra dengan peserta yang hadir pada Global MADANI Forum 2024 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

'RUU Mufti dirujuk Majlis Raja-Raja minggu depan

PM serahkan
kepada pakar
bincang
perincian rang
undang-undang

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perincian berkaitan Rang Undang-Undang (RUU) Mufti (Wilayah Persekutuan) 2024 yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 2 Julai lalu akan dirujuk kepada Majlis Raja-Raja minggu depan.

Perdana Menteri berkata, ketika ini RUU itu pada peringkat perbincangan untuk diperincikan oleh mereka yang pakar dalam bidang berkenaan.

"RUU Mufti sedang dibincang dan dengar pandangan, bermakna tidak ada pertikaian dalam soal Ahli Sunnah Wal Jamaah, (kita) rujuk kepada (mazhab) Syafie, Maliki, Hanafi dan Hambali serta pandangan-pandangan lain.

"Cuma kadangkala perincian itu ada dibincangkan... jadi saya serah kepada pakarnya dan kemudian akan dirujuk kepada Majlis Raja-Raja minggu depan," katanya kepada pemberita selepas

menghadiri Global MADANI Forum 2024 yang bertemakan 'Catalysing The Next Civilisational Revival', di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong serta Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul.

Anwar berkata demikian semasa diminta mengulas laporan bahawa Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail bertitah tidak berkenan nama Majlis Raja-Raja digunakan dalam usaha menyokong RUU yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat oleh Mohd Na'im pada 2 Julai lalu.

Baginda bertitah demikian menerusi Mufti Perlis, Mohd Asri Zainul Abidin yang kemudiannya membuat hantaran di Facebook, kelmarin.

RUU itu dijadual dibentangkan untuk bacaan kali kedua minggu depan di Dewan Rakyat.

RUU Mufti (Wilayah Persekutuan) 2024 merangkumi RUU Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 dan RUU Tatacara Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024.

RUU Mufti itu juga menyenaraikan penubuhan Jawatankuasa Fatwa Wilayah-Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Falak

Syarie, Jawatankuasa Rukyah Hilal, Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam yang dipengerusikan oleh mufti.

Selain itu, ia mentakrifkan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari sudut akidah bersumberkan aliran Al-Asyairah, Al-Maturidiah dan fiqh Mazhab Syafie dengan meraikan tiga mazhab lain iaitu Mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali, manakala dari segi tasawuf pula, RUU Mufti berpegang dengan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.

Pelbagai pihak menyokong

RUU itu mendapat sokongan pelbagai pihak, termasuk beberapa mufti, pengamal undang-undang, termasuk Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) apabila Presidennya, Musa Awang menegaskan sebarang usaha meletakkan mahkamah syariah kepada satu anjakan paradigma perlu disokong semua pihak, terutama Ahli Parlimen.

Bagaimanapun, PAS mahu RUU Mufti dikaji secara mendalam dengan Presidennya, Tan Sri Abdul Hadi Awang, berkata ia berikutan dalam Islam terdapat berpuluh mazhab.

"Pada pandangan saya, semua ulama tidak benarkan mazhab mereka diisytiharkan sebagai agama negara, sama ada Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hambali.

"Hanya Islam sahaja yang menjadi agama negara," katanya.